


Camuk

Muhammad Farid Mohd



Panduan Pengajaran dan Pembelajaran

Camuk

Muhammad Farid Mohd

PENGENALAN

'Camuk' membawa maksud keadaan yang tidak teratur dan bercelaruan. Pakej pengajaran ini mengajak para pelajar untuk berbincang secara kritis mengenai isu keselamatan psikologi di dalam rumah. Para pelajar akan didedahkan kepada sistem teori ekologi Bronfenbrenner yang telah dipermudahkan. Selain daripada itu, para pelajar juga akan dilatih untuk menulis mesej motivasi kepada mangsa keganasan rumah tangga. Dengan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar, aktiviti-aktiviti dalam saranan pengajaran ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk memberi pendapat mereka. Saranan pengajaran yang disediakan ini juga diharapkan dapat mendidik para pelajar untuk membuat keputusan sekiranya kejadian ini benar-benar berlaku di rumah.

OBJEKTIF PELAJARAN	Pada akhir pelajaran, pelajar dapat: <ul style="list-style-type: none">menganalisis cara-cara membantu mangsa keganasan rumah tangga berpandukan teori system ekologikal (kemahiran berfikir);menulis mesej motivasi kepada mangsa rumah tangga (kemahiran berfikir dan interaksi menulis); danberkongsi tentang hasil kerja dengan membuat penyampaian di dalam bilik darjah (kemahiran lisan).
-------------------------------	--

PRAAKTIVITI

Arahan:

Sebelum, aktiviti dalam kelas dimulakan, para pelajar sudah:

1. mencari makna perkataan-perkataan terpilih dengan menggunakan aplikasi KamusPro atau Kamus Dewan, (Lampiran 1) dan
2. melakarkan jalan cerita dengan berpandukan penyusun grafik yang disediakan (Lampiran 2).

(Guru boleh memberi tugas ini dalam SLS)

LANGKAH-LANGKAH

Langkah 1: Rangsangan (5 minit)

1. Guru akan menjelaskan objektif pengajaran hari ini.
2. Guru menayangkan sebuah laporan akhbar mengenai keganasan rumah tangga.
3. Guru akan bertanya beberapa soalan kepada pelajar-pelajar
 - (a) Apakah perasaan kamu apabila membaca tajuk ini?
 - (b) Mengapakah kamu mempunyai perasaan demikian?
4. Guru akan mengaitkan laporan akhbar ini dengan cerpen yang akan dibincangkan.

Langkah 2: Pemahaman teks bacaan (10 minit)

1. Guru akan meringkaskan jalan cerita 'Camuk' dengan menunjukkan plot yang dilakarkan dalam penyusun grafik.
2. Guru akan memilih beberapa pelajar untuk memberikan makna perkataan secara spontan.
3. Guru akan menjelaskan teori ekologi Bronfenbrenner dengan menggunakan akronim 'IMRANISM'.

Langkah 3: Aktiviti 1: Watak (15 minit)

1. Guru akan membentuk empat kumpulan pelajar:
 - (a) Kumpulan A: Rakan Sebaya (Farah)
 - (b) Kumpulan B: Sekolah (Mrs Wong)
 - (c) Kumpulan C: Masyarakat (Farhan)
 - (d) Kumpulan D: Negara (Undang-undang)
2. Setiap kumpulan akan menganalisis peranan watak / pihak dengan menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya
3. Pelajar-pelajar harus menulis hasil perbincangan dalam penyusun grafik yang disediakan (Lampiran 3).

Langkah 4: Sesi penyampaian (10 minit)

1. Setiap kumpulan akan membuat penyampaian di depan kelas selama dua minit.
2. Para pelajar daripada kumpulan lain boleh memberi pendapat selepas semua kumpulan selesai membuat penyampaian.

Langkah 5: Aktiviti 2: Catatan nota (15 minit)

1. Setiap pelajar akan meletakkan hasil kerjanya di sudut bilik darjah.
2. Guru akan memberi arahan kepada para pelajar untuk pergi ke setiap sudut agar mereka dapat membuat catatan (Lampiran 4).

Langkah 6: Aktiviti 3: Menghantar Mesej (20 minit)

1. Guru akan memberi arahan kepada pelajar untuk menulis mesej.
2. Pelajar-pelajar diberikan kebebasan untuk memilih tugas yang berikut.
 - (a) Farah memberi respons kepada Haliza
 - (b) Mrs Wong memberi respons kepada Haliza

- (c) Halizah memberi respons kepada ibunya.
 - (d) Farhan menghantar mesej kepada ibu Halizah.
3. Guru akan memberi pelajar 20 minit untuk menulis mesej (Lampiran 5).

(Para pelajar boleh menggunakan Lampiran 4 sebagai bahan rujukan)

Langkah 7: Penilaian Rakan (25 minit)

1. Setiap pelajar akan menyemak sekurang-kurangnya dua tugas pelajar yang lain berdasarkan senarai semak yang diberikan (Lampiran 6).
2. Guru akan memilih tiga hingga empat pelajar untuk mengongsi mesej yang dia sudah hasilkan.

PENUTUP (15 minit)


1. Guru akan mengingatkan pelajar tentang objektif pengajaran hari ini.
2. Para pelajar harus menghantar tiket keluar pada akhir pengajaran (Lampiran 7).

Contoh Lampiran 1: Kosa Kata

Arahan: Sila cari makna setiap perkataan berikut berdasarkan penggunaannya dalam cerpen ‘Camuk’.

No	Perkataan	Makna
1	bingkai	tepi sesuatu benda yang diperbuat daripada kayu atau besi
2	kelibat	rupa seseorang atau sesuatu yang kelihatan sepintas lalu sahaja
3	pelancaran	melakukan atau mengadakan sesuatu
4	mewah	sangat mahal
5	kerani	pekerja di pejabat yang membuat kerja-kerja rencam (Seperti pengurusan surat, fail, rekod, dokumen, dsb)
6	meraung	berbunyi (bersuara) nyaring dan panjang; menggeru
7	dirempuh	dilanggar
8	dendam	perasaan (keinginan) hendak membalas perbuatan seseorang (biasanya perbuatan jahat)
9	perhatian	menumpukan pandangan (fikiran) pada sesuatu
10	merosot	turun
11	permohonan	permintaan
12	petanda	alamat
13	meratah	mengalahkan, menundukkan
14	pergelangan	bahagian tangan dekat buku tangan
15	rapi	bersih dan elok
16	dikuatkuasakan	kuasa atau hak atas sesuatu atau untuk melaksanakan (memerintah, mengurus) sesuatu
17	terjejas	mengalami kesan tidak baik
18	semata-mata	melulu; sama sekali
19	intip	intai; mencari rahsia
20	berdegup	bunyi denyutan jantung yang keras

Contoh Lampiran 2: Plot



Contoh Lampiran 3 & 4: Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Bayang

	Lihat	Fikir	Bayang
Farah (Rakan Sebaya)	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> bertanya kepada Halizah apabila dia nampak Halizah berada dalam keadaan risau <input type="checkbox"/> cuba membuat Halizah bertenang apabila bapa Farah mahu membuat laporan polis <input type="checkbox"/> Farah dapat meyakinkan bapanya untuk membenarkan Halizah untuk tidur di rumahnya 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> prihatian terhadap masalah kawannya, Halizah <input type="checkbox"/> memberi sokongan kepada Halizah apabila Halizah berasa risau <input type="checkbox"/> mendapat kepercayaan daripada bapanya sehingga Halizah diberikan tumpang tidur semalam di rumahnya 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Apakah akan terjadi jika Farah tidak membantu Halizah? <input type="checkbox"/> Apakah kesan buruk jika masalah ini disebarluaskan ke media sosial? <input type="checkbox"/> Apakah perasaan Farah ketika dia mendapat pesanan gambar daripada Halizah?
Mrs Wong (Sekolah / guru)	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Menghubungi Halizah sebanyak tiga kali apabila Halizah tidak menghadiri sekolah <input type="checkbox"/> Terbukti Mrs Wong seorang guru yang berwibawa kerana dia merupakan guru yang Halizah percayai 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> seorang guru yang prihatin <input type="checkbox"/> seorang guru yang jujur dan boleh dipercayai <input type="checkbox"/> mempunyai hubungan rapat dengan anak muridnya 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Apakah perasaan Mrs Wong apabila dia mendapat pesanan gambar daripada Halizah? <input type="checkbox"/> Apakah tindakan Mrs Wong? <input type="checkbox"/> Apakah akan terjadi jika Mrs Wong tidak ambil peduli tentang masalah ini?
Farhan (Masyarakat / Jiran)	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> membenarkan Halizah tumpang tidur di rumahnya <input type="checkbox"/> membuat laporan polis <input type="checkbox"/> membawa Halizah berjumpa dengan doktor untuk rawatan <input type="checkbox"/> Farhan memberitahu ibu Halizah tentang apa yang sedang berlaku 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> mementingkan keselamatan Halizah <input type="checkbox"/> mahu melindungi Halizah dengan membenarkan Halizah tumpang tidur di rumahnya <input type="checkbox"/> Pemeriksaan kesihatan penting untuk mengesan kecederaan 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Adakah rumah Farhan selamat untuk Halizah? <input type="checkbox"/> Apakah akan terjadi jika Farhan tidak membenarkan Halizah tumpang di rumahnya? <input type="checkbox"/> Apakah akan terjadi jika Farhan tidak membawa Halizah ke klinik?

Mahkamah / Undang-undang (Negara)	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Perintah Perlindungan daripada Mahkamah Pengadilan Keluarga. Di bawah Seksyen 65 (8) Piagam Wanita, seseorang itu boleh dipenjara atau didenda sebanyak \$2000 atau kedua-duanya sekali jika bersalah melanggar Arahan Perintah Perlindungan <input type="checkbox"/> Hukuman penjara dua puluh tahun dan sepuluh sebatan bagi kesalahan mencabul kehormatan <input type="checkbox"/> Pegawai polis sedang menjelaki Pak Cik Nazri 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Pemerintah Singapura amat tegas dalam menangani masalah keganasan rumah tangga dan gangguan seksual <input type="checkbox"/> Undang-undang negara melindungi wanita <input type="checkbox"/> Pegawai polis di Singapura tulus menegakkan undang-undang 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Haruskah hukuman bagi kesalahan keganasan rumah tangga diberatkan? <input type="checkbox"/> Mampukah hukuman-hukuman ini mencegah orang ramai daripada melakukan kesalahan seksual? <input type="checkbox"/> Adakah Halizah akan dibantu oleh pegawai pekerja sosial? <input type="checkbox"/> Apakah akan terjadi jika undang-undang negara tidak melindungi wanita? <input type="checkbox"/> Apakah akan terjadi jika pegawai polis tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik?
-----------------------------------	---	---	--

Contoh Lampiran 5: Menghantar Mesej

Kumpulan 1: Rakan Sebaya	
Arahan:	Tulis mesej kepada kawan kamu, Halizah.
Situasi:	Bayangkan kamu Farah dalam cerpen ‘Camuk’. Kamu baru sahaja mendapat mesej daripada Halizah. Dia mengatakan bahawa dia mengalami kecederaan di bibir akibat dipukul oleh bapa tirinya. Mesej itu disusuli dengan gambar swafotonya. Tulis mesej kepada kawan kamu untuk memberi motivasi. Kamu juga harus memberi saranansaran untuk tindakan selanjutnya.
Saranan jawapan	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Pergi ke rumah saudara untuk mendapatkan perlindungan <input type="checkbox"/> Mempelawa Halizah datang ke rumah untuk mendapatkan perlindungan <input type="checkbox"/> Pergi ke pejabat polis untuk membuat laporan <input type="checkbox"/> Menyuruh Halizah menghantar gambar swafoto kepada ibu <input type="checkbox"/> Menyuruh Halizah meminta bantuan guru <p><i>(Mana-mana jawapan yang boleh diterima)</i></p>

Kumpulan 2: Guru	
Arahan:	Tulis mesej kepada pelajar kamu, Halizah.
Situasi:	Bayangkan kamu Mrs Wong dalam cerpen ‘Camuk’. Kamu baru sahaja mendapat mesej daripada Halizah. Dia mengatakan bahawa dia mengalami kecederaan akibat dipukul oleh bapa tirinya. Mesej itu juga disusuli dengan gambar swafotonya. Tulis mesej kepada pelajar kamu untuk memberi motivasi. Kamu juga harus memberi saranansaran untuk tindakan selanjutnya.
Saranan jawapan	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Pergi ke rumah saudara untuk mendapatkan perlindungan <input type="checkbox"/> Pergi ke pejabat polis untuk membuat laporan <input type="checkbox"/> Menyuruh Halizah menghantar gambar swafoto kepada ibu <p><i>(Mana-mana jawapan yang boleh diterima)</i></p>

Kumpulan 3: Jiran (Masyarakat)	
Arahan:	Tulis mesej kepada ibu Halizah.
Situasi:	Bayangkan kamu Farhan dalam cerpen ‘Camuk’. Kamu mahu menghantar Halizah ke klinik dan membenarkannya tidur di rumah kamu. Tulis mesej kepada ibu Halizah untuk menerangkan situasi yang sebenar. Kamu juga harus memberitahu ibu Halizah tentang tindakan-tindakan selanjutnya yang kamu akan lakukan.
Saranan jawapan	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Bapa tiri Halizah cuba mencabul kehormatan Halizah <input type="checkbox"/> Halizah berada di rumah Farhan <input type="checkbox"/> Membawa Halizah ke klinik untuk membuat rawatan <input type="checkbox"/> Membuat laporan polis <p><i>(Mana-mana jawapan yang boleh diterima)</i></p>

Kumpulan 4: Pemerintah (Polis)	
Arahan:	Tulis mesej kepada penduduk
Situasi:	Bayangkan kamu seorang Superintenden polis. Baru-baru ini, kes keganasan rumah tangga semakin meningkat. Tulis mesej rasmi kepada penduduk-penduduk di kawasan Telok Blangah untuk menyuarakan keprihatinan kamu. Kamu juga akan menjelaskan tindakan-tindakan selanjutnya untuk menangani masalah ini.
Saranan jawapan	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Membuat laporan polis apabila berlakunya keganasan rumah tangga <input type="checkbox"/> Menampal poster di estet perumahan untuk meningkatkan kesedaran <p><i>(Mana-mana jawapan yang boleh diterima)</i></p>

Lampiran 6: Senarai semak

PENILAIAN PERTAMA		
Nama penilai (kelas): _____ ()		
No	Perkara	(/)
1	Mesej mengandungi perkataan-perkataan yang memberi rangsang, sokongan dan harapan	
2	Mesej mengandungi peribahasa yang sesuai	
3	Idea yang disampaikan mencukupi (2 isi)	
Maklum balas:		

PENILAIAN KEDUA		
Nama penilai (kelas): _____ ()		
No	Perkara	(/)
1	Mesej mengandungi perkataan-perkataan yang memberi rangsang, sokongan dan harapan	
2	Mesej mengandungi peribahasa yang sesuai	
3	Idea yang disampaikan mencukupi (2 isi)	
Maklum balas:		

Lampiran 7: Tiket keluar

Nama:	
Kelas:	Tarikh:
3	Perkara yang saya belajar pada hari ini: 1. _____ 2. _____ 3. _____
2	Perkara yang saya minat: 1. _____ 2. _____
1	Soalan yang terdapat di dalam minda saya: 1. _____

SOALAN PERBINCANGAN

1. Halizah seorang yang bijak. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini.
2. Banyak pihak memainkan peranan penting dalam menangani masalah keganasan rumah tangga. Jelaskan.
3. Tindakan Halizah untuk lari dari rumah amat keterlaluan. Setujukah kamu dengan pernyataan ini? Jelaskan.

SOALAN JENIS SASTERA

1. Bincangkan perutusan-perutusan yang ingin disampaikan oleh penulis.
2. Cerpen ‘Camuk’ mencerminkan perwatakan wanita yang berani. Sejauh manakah penulis berjaya mengetengahkan perkara ini.

EHWAL SEMASA

Keganasan yang berlaku dalam keluarga bukanlah sesuatu yang asing di negara kita. Berita-berita mengenai keganasan yang berlaku dalam keluarga menyedarkan kita akan perlunya kita mengambil tahu perkara yang berlaku dalam masyarakat. Apakah perkara yang remaja boleh lakukan untuk meningkatkan kesedaran dalam anggota masyarakat mengenai perkara ini? Bincangkan.